

21 SEP 1998

Komanwel-Boling Padang (Reviu)

JALUR GEMILANG TETAP BERKIBAR MEGAH

Oleh: Mohd Shukri Ishak

KUALA LUMPUR, 21 Sept (Bernama) -- Sekalipun lagu "Negara Ku" tidak berkumandang, namun "Jalur Gemilang" tetap "berkibar megah" di Pusat Boling Padang Nasional, Bukit Kiara dimana berlangsungnya acara boling padang Sukan Komanwel ke-16, yang berakhir semalam.

Afrika Selatan muncul juara keseluruhan apabila meraih dua emas dan tiga gangsa, Australia satu emas, dua perak dan satu gangsa, Ireland Utara satu emas dan satu gangsa, Scotland satu emas, Zimbabwe satu emas, Wales dua perak dan dua gangsa, Malaysia satu perak dan dua gangsa, Namibia satu perak, England dua gangsa dan New Zealand satu gangsa.

Perseorangan wanita Malaysia, Saedah Abdul Rahim yang beraksi pada perlawanan akhir tumpas kepada Lesly Hartwell dari Afrika Selatan 14-25, menangis hiba selepas perlawanan.

Apa pun kehadiran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam menyampaikan pingat kepada perseorangan wanita pasti sekurang-kurangnya meredakan sebak Saedah.

"Saya sepatutnya memenangi emas," kata Saedah, 31, ibu kepada dua anak yang terpaksa ditenteramkan oleh pegawai dan rakan sepasukan, malahan lawannya Hartwell turut mententeramkannya selepas perlawanan.

Roy Garden, 37, yang beraksi untuk perseorangan lelaki Namibia turut membuat kejutan besar apabila meraih emas menewaskan John Price dari Wales 25-14 dalam perlawanan akhir semalam.

Sekalipun namanya tidak disebut langsung sebelum kejohanan sebagai pencabar utama, ternyata Garden membuktikan kehebatannya sementara juara dunia dua kali, Anthony Allcock dari England tenggelam di greens Pusat Boling Padang Nasional Bukit Kiara.

Malahan juara dunia perseorangan wanita, Carmen Anderson dari Norfolk Islands turut mengalami nasib yang sama seperti Allcock yang pulang tanpa sebarang pingat.

Apa pun, pemain yang paling malang dalam kejohanan boling padang Sukan Komanwel mungkin lebih sesuai kepada Flora Anderson dari Botswana.

Anderson terpaksa menarik diri selepas hanya menharungi lima perlawanan apabila mengalami kekejangan otot pahanya ketika beraksi menentang pemain perseorangan wanita Australia Roma Dunn.

Sementara itu, Pengerusi Jawtankuasa Penganjur Sukan Boling Padang, A Razak Hitam amat berpuas hati dengan perancangan hampir empat tahun bagi menganjurkan cara itu.

"Segalanya berlangsung dengan lancar, kesemua 513 perlawanan yang membabitkan 23 negara peserta dapat dijalankan dengan teratur tanpa sebarang masalah," katanya.

Bagi skuad boling padang negara, sekalipun gagal menyanyikan lagu "Negara Ku" sambil mengenggam pingat emas, namun kibaran "Jalur Gemilang" tetap berkibar di Pusat Boling Padang Bukit Kiara.

Sekalipun hanya baru empat tahun usia sukan itu di Malaysia yang diperkenalkan pada 1994, namun Malaysia mampu meletakkan diri setanding dengan negara yang bermain sukan itu sejak beratus tahun lampau.

Malah jurulatih negara Robert John Dobbins dari Australia sendiri mengakui kehebatan pemain negara terutama skuad wanita yang berjaya meraih pingat pada penyertaan pertama kali dalam Sukan Komanwel.

Malaysia memperolehi dua pingat gangsa menerusi empat berpasukan wanita dan pasangan lelaki.

-- BERNAMA

MS ZB